

# Pasangan suami isteri terima ijazah serentak

Oleh SHAHRI NIZAM ABDULLAH

**SERDANG** — Kegembiraan jelas terpancar pada wajah Mohd. Rabiol Turubih dan Azizah Mohd. Rah apabila pasangan suami isteri itu menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa dan Linguistik pada Majlis Konvokesyen ke-40 Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Mohd. Rabiol, 46, yang merupakan seorang guru di Sekolah Kebangsaan Timbang Dayang di Kota Belud, Sabah dan isterinya, Azizah, 46, seorang pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Kota




ZHIEN HUEY menunjukkan isyarat bagus pada Majlis Konvokesyen UPM ke-40 di Serdang semalam.

Belud mula mengikuti program Pengajian Jarak Jauh UPM pada 2011 dalam bidang Bahasa dan Linguistik. “Hati saya terbuka un-

tuk melanjutkan pengajian setelah menerima galakan daripada guru besar di sekolah,” kata Mohd. Rabiol ketika ditemui semalam.

Terdahulu, pasangan suami isteri itu menerima ijazah sarjana muda tersebut daripada Pro Canselor



MOHD. RABIOL dan isterinya gembira melihat ijazah sarjana muda yang diperoleh.

UPM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Nayan Ariffin.

Mereka merupakan antara 1,200 graduan yang menerima ijazah bagi sesi kelapan.

Sementara itu, menurut Azizah pula, mujurlah ibu dan mertuanya banyak

membantu untuk menjaga lima orang anak berusia 10 hingga 19 tahun ketika dia serta suami mempunyai kuliah.

Pada majlis konvokesyen sama, pengorbanan seorang atlet negara, Lee Zhien Huey dalam mem-

bahagikan masa sebagai pelajar UPM akhirnya berbaloi apabila beliau menerima segulung ijazah.

Zhien Huey, 27, merupakan atlet renang berjaya Malaysia dan pernah menyumbang dua pingat emas dalam acara berpasukan ketika temasya Sukan SEA 2011 di Palembang, Indonesia.

Graduan itu melanjutkan pengajiannya di UPM dalam bidang Sains Kimia Petroleum pada 2010.

“Hidup sebagai seorang atlet sukan dan pelajar bukan sesuatu yang mudah kerana perlu membahagikan masa dengan bijak,” ujarnya yang menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Kimia Petroleum.